



PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK (PTD ALUMNI)

**515, PESIARAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
Tel: 603-2693 0336/2698 4266 Fax: 603-2691 7827**

KENYATAAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

Dari: Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PTD Alumni)

Perkara: MEMANGGIL PEKHIDMAT AWAM SEBAGAI "MONYET" MEMUDARATKAN HUBUNGAN KERJA YANG HARMONI ANTARA AHLI POLITIK DAN PEGAWAI KERAJAAN DEMI KEBAIKAN BERSAMA.

Alumni PTD adalah sebuah persatuan pegawai kanan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang telah bersara dengan objektif utama membantu kerajaan dalam usahanya untuk mempertingkatkan imej dan prestasi perkhidmatan awam. Ahli kami sangat berbangga dengan peranan penting yang telah kami mainkan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara serta membantu negara mencapai kejayaan pada hari ini. Oleh itu, Alumni PTD amat kesal terhadap kenyataan yang dibuat oleh Derek Fernandez, Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, yang menganggap penjawat awam sebagai "monyet," yang disiarkan dalam Malay Mail (November 12). PTD Alumni menyedari bahawa penjawat awam ada kelemahan, namun, tohmahan seperti itu tidak sepatutnya dilemparkan kerana perbuatan seperti itu memudaratkan perhubungan kerjasama yang harmoni di antara ahli-ahli politik dan penjawat awam demi kepentingan negara. Asas etika pentadbiran awam menuntut penjawat awam bersikap profesional dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka berkhidmat untuk Kerajaan semasa.

Perkhidmatan awam adalah tiang seri dalam sistem pentadbiran mana-mana negara. Penjawat awam memainkan peranan sebagai penasihat kepada Kerajaan, mengubal, melaksana, memantau dan mengkaji semula dasar-dasar kerajaan, menjadi katalis ide baru, mentadbir undang-undang dan peraturan, mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam serta menjamin kesejahteraan masyarakat. Amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka ini memang mulia dan berat dipikul. Justeru, perkhidmatan awam mengharapkan kerjasama yang tulus serta sokongan positif daripada semua pihak dalam kerajaan, termasuk pemimpin-pemimpin politik yang dilantik dan penyokong-penyokongnya.

Oleh itu, Alumni PTD menyokong penuh kenyataan yang telah dibuat oleh Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) dalam menggesa Ahli Majlis berkenaan untuk menarik balik kenyataan beliau demi menjaga perhubungan harmoni yang berlandaskan kepercayaan dan saling hormat antara ahli-ahli politik dan penjawat awam demi pentadbiran negara yang berkesan.

Dikeluarkan oleh: Tan Sri Dato' Seri Sallehudin Mohamad,
Presiden, Persatuan Alumni Pegawai Tadbir & Diplomatik, Malaysia (PTD Alumni)

Tarikh: 22 November, 2012.



PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR & DIPLOMATIK (PTD ALUMNI)

**515, PESIARAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
Tel: 603-2693 0336/2698 4266 Fax: 603-2691 7827**

PRESS RELEASE

FOR IMMEDIATE RELEASE

From: **Association of Alumni of the Administrative and Diplomatic Officers Malaysia (PTD Alumni)**

Subject: **CALLING CIVIL SERVANTS “MONKEYS” IS DETRIMENTAL TOWARDS A HARMONIOUS WORKING RELATIONSHIP BETWEEN POLITICIANS AND GOVERNMENT SERVANTS FOR THE COMMON GOOD OF THE COUNTRY.**

The PTD Alumni is an association of retired senior Administrative and Diplomatic Officers (PTD) with the key objective of assisting the government in its efforts to enhance the image and performance of the civil service. Our members take great pride in the significant roles they had played in the socio-economic development of the country and helping to steer the nation towards what it is today. Therefore, the PTD Alumni views with deep regret the statement made by Derek Fernandez, a Petaling Jaya City Councillor, that made a reference to civil servants as “monkeys” which was published in the Malay Mail (November 12). While the PTD Alumni admits that civil servants are not perfect, nevertheless, such statements are uncalled for and are detrimental to the need to enhance a harmonious working relationship between politicians and civil servants in working together for the good of the country. The basic administrative ethic demands that civil servants be professional in their attitude and in undertaking their tasks and responsibilities to serve the Government of the day.

The civil service is the main pillar in the administrative system of any country. Civil servants provide advice to the Government, formulate, implement, monitor and review government policies, provide new ideas, administer laws and regulations, maintain peace and order and ensure society’s well-being. These responsibilities which are entrusted to them are indeed noble and heavy to shoulder. The civil service, therefore, expects sincere co-operation as well as positive support from the other parties in the government, including appointed leaders and their supporting cadres of politicians.

Thus, the PTD Alumni strongly supports the statement made by the President of the Administrative and Diplomatic Service Association of Malaysia (PPTD) in urging the City Councillor concerned to retract his statement in the interest of enhancing a harmonious relationship characterized by trust and mutual respect between civil servants and politicians in the effective and humane administration of the country.

Released by: Tan Sri Dato’ Seri Sallehudin Mohamad,
President, Association of Alumni of the Administrative and Diplomatic Officers,
Malaysia (PTD Alumni)

Date: 22 November, 2012.